

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAI DA BT KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan kemungkinan untuk melaksanakan harga lantai untuk getah, supaya tidak terlalu rendah, demi melindungi para penoreh getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mempertimbangkan cadangan mewujudkan harga lantai berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- i. Penetapan harga lantai memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak;
- ii. Ia menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga di mana para pedagang getah akan menekan harga ke paras rendah dengan mengambil kira bahawa Kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai; dan
- iii. Ia menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil getah dan bagi tujuan ini telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) pada tahun 2015. IPG akan diaktifkan apabila purata harga bulanan SMR20 pada bulan sebelumnya adalah kurang dari RM5.50 sekilogram

atau harga di peringkat ladang untuk getah sekerap adalah di bawah RM2.20 sekilogram.

Pelaksanaan IPG ini merupakan mekanisme terbaik kerana ianya berunsurkan harga lantai, iaitu insentif yang menampung perbezaan harga pasaran dengan paras harga pengaktifan. Insentif ini bersifat serampang dua mata, iaitu meringankan beban pengurangan pendapatan pekebun kecil di seluruh negara kesan dari kejatuhan harga getah, di samping memberi galakan kepada mereka untuk terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran.

Walau bagaimanapun, IPG ini hanya dibayar kepada pekebun kecil yang mempunyai Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) sahaja. Di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014, pekebun-pekebun kecil yang menjalankan urusan getah diwajibkan untuk memiliki PAT-G ini. PAT-G dikeluarkan di dalam bentuk kad dan diberikan secara percuma kepada pekebun-pekebun kecil getah yang berdaftar.

Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta. Pendekatan ini membolehkan pekebun kecil meneruskan aktiviti penorehan semasa harga getah yang rendah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ

TARIKH : 16.5.2016 (ISNIN)

SOALAN : 38

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk-bentuk keringanan yang diberikan kepada peminjam-peminjam PTPTN dalam membuat pembayaran balik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman pendidikan, PTPTN turut memberi perhatian serta tidak mengabaikan peminjam yang kurang berkemampuan untuk membuat bayaran balik pinjaman. Terdapat beberapa kaedah penyelesaian yang boleh dicadangkan kepada peminjam sekiranya mereka hadir untuk berunding di mana-mana pejabat cawangan PTPTN di seluruh negara. Antara kaedah penyelesaian yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut;

- i. Membenarkan penangguhan dibuat terhadap peminjam yang masih melanjutkan pengajian sehingga tamat pengajian;
- ii. Membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan terhadap peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan;

- iii. Membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pembiayaan dengan amaun ansuran bulanan berasaskan kemampuan sehingga umur 60 tahun.

- iv. Menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi membantu peminjam PTPTN yang mempunyai masalah keberhutangan dan gagal menguruskan hutang m

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN : 39

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah trak tunda pemangsa (*predatory tow trucks*), khususnya yang mengambil kesempatan ke atas mangsa kemalangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan sedia ada, kenderaan jenis trak tunda adalah diwajibkan untuk didaftarkan sebagai kenderaan perdagangan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi membolehkannya berada di atas jalan raya dan menjalankan operasi menunda kenderaan.

Dalam masa yang sama, JPJ juga mengawal selia dari aspek pembinaan dan rekabentuk kenderaan tersebut melalui pelaksanaan prosedur kelulusan pelan teknikal kenderaan bagi memastikan pembinaannya mematuhi setiap ketetapan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959. Selain itu, berdasarkan kepada Kaedah – Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995, trak tunda yang berstatus kenderaan komersial adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan berkala di mana-mana cawangan PUSPAKOM bagi memastikan kenderaan tersebut berada dalam keadaan *roadworthy*.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum masalah trak tunda pemangsa (*predatory tow trucks*) khususnya yang mengambil kesempatan ke atas mangsa kemalangan. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Jabatan

Perdana Menteri (SPAD, JPM) dan agensi-agensi berkaitan untuk mengawal selia operasi komersial trak tunda termasuk cadangan untuk melesenkan pengusaha trak tunda. Bagi maksud ini, aspek perundangan dan mekanisme pelaksanaan akan diteliti selain mengambil kira maklumbalas daripada pihak industri.